

“Jawatan Timbalan untuk diisi oleh UMNO mungkin diwujudkan”

PM sahkan Gerakan akan terus pegang jawatan KM P. Pinang

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengesahkan bahawa Parti Gerakan akan terus memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, UMNO tidak akan menuntut jawatan tersebut kerana ia percaya kepada kerjasama antara kaum.

Sambil mengalu-alukan kesediaan Gerakan untuk terus memegang jawatan berkenaan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, bagaimanapun Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru mungkin akan mewujudkan jawatan Timbalan Ketua Menteri untuk diisi oleh UMNO.

“Saya rasa gembira kerana ini bermakna Gerakan sedia bekerjasama dalam Barisan Nasional walaupun pada mulanya mereka nampak agak kecewa kerana seolah-olah penduduk Pulau Pinang tak menghargai kerja yang telah mereka lakukan untuk pembangunan negeri itu.”

“Tapi saya yakin dengan penerimaan jawatan Ketua Menteri, pembangunan Pulau Pinang akan terus berjalan,” kata beliau kepada para pemberita selepas menghadiri jamuan makan malam ulangtahun penubuhan Bank Bumiputra di sini malam ini.

Beliau menegaskan demikian ketika menjawab soalan para pemberita mengenai kesediaan Gerakan untuk terus memegang jawatan itu dalam mesyuaratnya petang ini.

Menurut Perdana Menteri, UMNO tidak kecewa dengan tindakan Gerakan menuntut jawatan Ketua Menteri kerana “kita tidak tamak dalam UMNO malah kita telah bekerjasama antara kaum.”

Ditanya mengenai tindakan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang yang melepaskan jawatan itu hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, apa yang dilakukan oleh Encik Lim itu hanyalah satu sandiwara ataupun lakonan wayang.

“Mereka telah lama bersandiwara dan hari ini Kit Siang melakonkan satu lagi sandiwara kerana tidak lama lagi akan ada yang datang memujuknya dan oleh kerana ada yang memujuknya dia akan tarik balik perletakan jawatan itu,” tegasnya.

Beliau berkata, Encik Lim cuma seronok untuk melihat orang merayu dan meyakinkannya bahawa khidmatnya masih diperlukan dalam DAP.

Sandiwara seperti ini, kata Perdana Menteri tidak akan kekal lama kerana rakyat telah biasa menonton sandiwara seperti ini dilakonkan oleh DAP.